

06/04/1999

Pusat tidak amal diskriminasi dalam pemerintahan

Wan Mohd Mahyiddin

BARISAN Nasional (BN) yang berteraskan Umno adalah alternatif yang terbaik untuk mewujudkan pentadbiran negeri yang maju selaras dengan pencapaian negara keseluruhannya. Kempennya rata-rata mendapat sambutan, satu petanda perubahan minda rakyat Sabah yang mula menolak pengasingan untuk bersama-sama dengan penduduk negeri lain dalam membina negara yang mereka dukungi. Soal pemimpin Semenanjung datang untuk menjajah tidak menjadi isu yang ketara lagi. Jikapun diungkitkan oleh sesetengah pihak, ia perkara lapuk yang sukar ditelan bulat-bulat.

Dalam keadaan yang berubah ini, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Pengerusi BN dan juga Perdana Menteri turut berkempen secara langsung dalam pilihan raya Sabah setelah menjauhkan diri sejak kekalahan Berjaya pada 1985. Dengan kehadirannya di pekan dan kawasan pedalaman Sabah, menunjukkan sifat prihatin beliau terhadap kebajikan penduduk di sini, selain penegasan yang kita menduduki negara yang sama dan tidak dalam negeri yang berasingan.

Beliau mahu rakyat Sabah menikmati faedah pembangunan seperti negeri lain di Malaysia dan untuk itu sanggup turun ke bawah bagi menjelaskan dasar BN.

Kerana ingin melihat rakyat Sabah membuat pilihan yang tepat, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang baru dilantik Timbalan Perdana Menteri ditugaskan khas untuk berada di Sabah bagi mengarahkan jentera kempen BN di seluruh kawasan pilihan raya. Beserta dengan pekerja Umno, beliau menjelajah Sabah seperti ia sebuah negeri di Semenanjung juga.

Ukhuwah yang dijalinkan dengan ahli Umno negeri ini dan kemesraan dengan rakyat dari pelbagai keturunan mencerminkan niat baik mereka ini yang berada dalam wadah perjuangan yang sama.

Dengan pimpinan Umno yang mempunyai berpuluh tahun pengalaman mentadbir negara, BN beroleh kemenangan di 31 buah kerusi daripada 48 yang dipertandingkan. Ini satu kemajuan besar berbanding dengan pencapaian sebanyak 23 kerusi dalam pilihan raya 1994. Hanya satu kerusi kurang daripada mencecah majoriti dua-pertiga dalam DUN. Tetapi dengan hak parti yang menang untuk melantik enam lagi anggota DUN, majoriti dua pertiga menjadi kepastian bagi membolehkan sebuah kerajaan BN negeri yang kukuh dibentuk.

Bekas Ketua Menteri, Datuk Harris Salleh yang cuba bertapak kembali ditolak rakyat Sabah apabila semua calon Parti Bersekutu yang ditajanya, tewas. Dengan menjanjikan saham percuma kepada rakyat untuk menarik sokongan mereka, beliau tidak pernah insaf mengenai keburukan politik wang dan penyertaannya dalam pilihan raya ini sekali lagi akan memecahbelahkan undi orang Islam.

Sementara Pas selaku parti dari Semenanjung mendapati semua calonnya hilang wang pertaruhan. Kerana itu mungkin lebih baik bagi parti ini menjalankan dakwah Islamiah di negeri ini daripada menyertai satu pemilihan yang ia tidak akan menang.

Berasaskan amalan giliran Ketua Menteri mengikut tiga kaum yang terbesar di Sabah, Dr Mahathir berulang kali menyeru agar penduduk Kadazandusun mengundi parti Demokratik Sabah (PDS) pimpinan Tan Sri Bernard Dompok dan Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) bagi membolehkan seorang pemimpin mereka mengetuai kerajaan negeri ini.

Tetapi oleh kerana Pairin dengan dasar mementingkan suku kaumnya masih berpengaruh, kebanyakan kawasan dengan majoriti Kadazandusun menyebelahi

PBS. Hasilnya ialah ketewasan Bernard Dompok di kawasan pilihan rayanya yang menimbulkan masalah ketiadaan pemimpin Kadazandusun yang sesuai untuk mengetuai kerajaan negeri.

Tidak ada sesiapa yang boleh dipersalahkan dalam hal ini, kerana ia adalah pilihan pegundi Kadazandusun sendiri. Namun kerajaan BN yang baru ditubuhkan tetap memberi landasan bagi perwakilan kumpulan penduduk ini dengan melantik mana-mana mereka yang menang atas tiket BN sebagai menteri atau pembantu menteri. Malah, untuk jawatan Timbalan Ketua Menteri (kuota kaum Kadazandusun), seorang dari keturunan ini dilantik untuk menjadi ahli DUN semata-mata bagi mengisi jawatan itu.

Pertimbangan seperti ini hanya datang dari sebuah parti (BN) yang berpandangan luas dan memahami hasrat rakyat Sabah. Adalah satu kerugian bagi mana-mana kumpulan etnik, terutama sekali Kadazandusun untuk menolak BN kerana terikut-ikut dengan sentimen yang dipupuk sesetengah pemimpin mereka. Kerjasama mereka itu dengan kumpulan lain sangat perlu dalam mentadbirkan sebuah negeri yang berpotensi seperti Sabah. Pengasingan atau semangat kesukuan sudah tidak berkesan lagi buat mereka.

Yang mustahaknya sikap pemimpin Kadazandusun sendiri. Mereka harus sedar bahawa penduduk Bumiputera Islam atau bukan Islam masih ketinggalan dalam pelbagai aspek pembangunan. Maka wajarlah mereka ikut arus perdana dengan menerajui parti yang sealiran dengan kerajaan Pusat. Tidak seperti pemerintahan di sesetengah negara yang cenderung melakukan diskriminasi terhadap wilayah-wilayah tertentu, di Malaysia penindasan atau perbezaan yang ketara ditolak. Sebab itu tidak perlu bimbang terhadap motif Pusat yang sentiasa membimbing dan jauh sekall berhajat untuk menjajah.

Dengan penubuhan kerajaan BN yang baru di Sabah, pembangunan dapat diadakan dengan lebih rancak. Negeri ini mempunyai banyak sumber yang berpotensi. Eksploitasi hutan secara teratur dan disiplin, pertanian padi, komoditi, pelancongan, pembinaan infrastruktur dan pengenalan industri baru adalah perkara yang patut diberi perhatian dalam meningkatkan perkembangan ekonomi rakyat bagi menjamin kehidupan yang lebih selesa. Zaman berharap kepada hutan balak untuk cepat kaya sudah berlalu. Yang dikehendaki ialah pembangunan secara berterusan yang dapat dikecapi oleh semua.

Pembangunan bererti perubahan dalam amalan politik yang berkecamuk sebelum ini. Budaya BN yang mengutamakan semangat konsensus di antara parti dan kerjasama antara kumpulan etnik yang menduduki negara ini perlu dipupuk dengan seluas-luasnya. Lawannya ialah pengasingan dan pertentangan yang tidak menguntungkan sebarang pihak.

Politik yang wujud hendaklah yang sihat yang mana pemimpin kerajaan mengamalkan tradisi berkhidmat kepada rakyat yang dimulakan sejak negara mencapai kemerdekaan. Pilihan raya diadakan dan kerajaan dibentuk bukan untuk memberi kemegahan kepada pemimpin tetapi semata-mata untuk kebajikan rakyat jelata.

Datuk Osu Sukam yang dilantik sebagai Ketua Menteri baru Sabah, dibantu oleh rakan-rakannya yang berkebolehan berpeluang untuk mewujudkan pentadbiran kerajaan negeri yang moden berasaskan prinsip yang rasional dalam politik dan pembangunan. Jika prinsip ini diikuti dengan baik, kerajaan ini akan mendapat sokongan berterusan.

Untuknya, ia perlu berpisah dari tradisi kepemimpinan, yang minatnya mengaut harta, menyebabkan rakyat mahu menubangkan kerajaan setiap lapan atau sembilan tahun sekali. Dalam masa yang sama ia perlu menjalankan usaha yang dapat mengintegrasikan Sabah dengan negeri lain dalam satu ikatan yang kukuh, bermakna dan matang selaras dengan kehendak nasional.

(END)